

Bashir dilantik semula sebagai senator

LABUAN: Ketua UMNO Bahagian Labuan Datuk Haji Bashir Haji Alias dilantik semula sebagai senator bagi penggal kedua di Dewan Negara, semalam.

Majlis angkat sumpah itu dilakukan di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri S A Vigneswaran.

Bashir, 54, merupakan anak jati Labuan yang juga seorang usahawan dan ahli politik tempatan yang disegani.

Beliau mula dilantik sebagai


senator pada 5 Jun 2017 untuk tempoh tiga tahun sehingga 5 Jun 2020.

Dewan Negara mempunyai 70 senator dengan 26 dilantik oleh 13 negeri manakala 44 lagi dilantik Yang di-Pertuan Agong termasuk dua bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan satu untuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Turut mengangkat sumpah jawatan senator ialah Ketua UMNO Bahagian Sepanggar Datuk Yakubah Khan,

Setiausaha Kehormat Pergerakan Wanita PBB Sarawak Susan Chemera Anding, Timbalan Setiausaha Agung Parti Rakyat Sarawak Rita Sarimah Patrick Insol, dan Pengerusi Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) cawangan Bawang Assan Robert Lau Hui Yew.

Kesemua adalah lantikan baharu yang diperkenalkan oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.



ALBUM KENANGAN: Bashir (tengah) selepas mengangkat sumpah jawatan senator di Dewan Negara, semalam. Turut kelihatan Timbalan Ketua UMNO Labuan Datuk Khalid Abd Ghani (dua kiri) dan Setiausaha UMNO Labuan Mohd Dzulfaizal Ab Manan (kanan).